

Aidiladha: Bekalan lembu, kambing mencukupi

KUALA LUMPUR 21 Sept. - Bekalan lembu dan kambing untuk Hari Raya Aidiladha pada Khamis ini mencukupi bagi keperluan di seluruh negara.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, mengikut statistik Jabatan Perkhidmatan Veterinar, stok bekalan ternakan itu pada bulan September berjumlah 54,200 ekor lembu dan 40,493 ekor kambing.

"Anggaran keperluan bagi lembu dan kambing bagi tujuan penyembelihan korban pada tahun ini hanyalah kira-kira 26,200 ekor lembu dan 12,324 ekor kambing.

"Berdasarkan kepada statistik dan anggaran ini, kita yakin jumlah bekalan untuk tujuan korban tahun ini adalah mencukupi," katanya selepas merasmikan Ekspo Ternakan Asia 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini hari ini.



Berdasarkan kepada statistik dan anggaran ini, kita yakin jumlah bekalan untuk tujuan korban tahun ini adalah mencukupi."

AHMAD SHABERY CHEEK
Menteri Pertanian
dan Industri Asas Tani

Sebanyak 300 pempamer dari 32 negara menyertai forum tersebut yang berlangsung bermula hari ini sehingga Rabu.

Yang turut hadir, Pemangku Ke-

tua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Dr. Kamarudin Md. Isa.

Terdahulu ketika berucap merasmikan ekspo tersebut, Ahmad Shabery menggesa pengeluar produk pertanian untuk bergerak ke hadapan bagi memasarkan barangan mereka di pasaran antarabangsa, seterusnya membantu meningkatkan nilai mata wang ringgit.

Beliau berkata, Malaysia mempunyai kelebihan dalam bidang tersebut, khususnya dalam industri halal dengan reputasi negara ini sebagai antara pengeksport utama produk halal di peringkat global.

"Justeru, pengeluar dan usahawan produk pertanian perlu melihat ini sebagai salah satu peluang untuk memasuki pasaran antarabangsa, kembangkan eksport mereka dan akhirnya dapat membantu menyokong nilai ringgit," jelasnya.



AHMAD SHABERY CHEEK (depan, tiga dari kiri) diberi penerangan mengenai sup sarang burung oleh Chef Abdullah Razak Abdullah ketika melawat gerai pameran Ekspo Ternakan Asia 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), semalam.

- BERNAMA